

HUDUD: KELANTAN ADA MAHKAMAH

SUBANG 24 April — Kerajaan Negeri Kelantan perlu menubuhkan mahkamah mereka sendiri jika hukum hudud menjadi teras perundangan negeri itu.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, mahkamah sivil yang ada sekarang tidak boleh memainkan peranannya sebagai pelaksana hukum itu kerana ia tertakluk kepada undang-undang sivil.

"Jika mereka hendakkan sangat hukum hudud, mereka kenalah cuba sistem mereka sendiri atau mahkamah mereka sendiri," kata beliau pada sidang akhbar sekembalinya dari lawatan rasmi enam hari ke Vietnam pagi ini.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa pasukan polis juga berada di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan oleh itu mereka akan melaksanakan tugas mengikut undang-undang Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanapun, jelas beliau, kerajaan tidak bercadang untuk menarik keluar pasukan polis dari Kelantan jika negeri itu melaksanakan hukum hudud.

Kepada satu soalan, Perdana

Menteri menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan membuat apa-apa perjanjian bertulis dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Perjanjian

"Kita cuma akan pinda apa yang dia rasa selama ini menyekatnya daripada melaksanakan hukum itu, tapi kita tak akan buat sebarang perjanjian bertulis dengan mereka," ujar Dr. Mahathir.

Beliau berkata, apa yang penting sekarang ialah jaminan Kerajaan Pas Kelantan ba-

hawa jika hukum hudud dilaksanakan tidak akan berlaku huru hara.

Oleh itu, katanya, semua pihak perlulah melihat sama ada mereka boleh berpegang kepada jaminan itu.

"Mereka seronok sangat nak potong tangan orang seolah-olah jika tidak potong tangan tidak Islam, sekarang kita nak tengoklah mereka boleh buat atau tidak," kata Perdana Menteri lagi.

Pada 16 April lalu, Dr. Mahathir memberitahu para pemberita di Pasir Gudang, Johor,

LIHAT MUKA 2

SENDIRI PERLU